



## جابتني أقسام إسلام فيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(89)

Tarikh: 16 Rabiulakhir 1447  
8 Oktober 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

### HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>10 Oktober 2025 / 18 Rabiulakhir 1447</b>
<b>Tajuk</b>	<b>Palestin – Doa dan Kebersamaan</b>

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**

**KEPADA PENGURUSI JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS  
PENGUMUMAN SEBELUM AZAN PERTAMA SOLAT JUMAAT 10 OKTOBER 2025  
PERKARA: “MILES OF HOPES: FUN RIDE FOR PALESTIN 2025”**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,**

Dimaklumkan kepada seluruh Jemaah sekalian, Masjid Sultan Idris Shah II, Masjid Negeri Perak akan menganjurkan **Program Mosque Open Day dan Forum Maulidur rasul 2025**. Antara aktiviti dan pengisian di dalamnya adalah kayuhan amal iaitu “**Miles of Hopes: Fun Ride for Palestine 2025**”

Program ini akan diadakan pada:

 **Hari Ahad, 12 Oktober 2025**

 **Bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 Malam**

(Acara FUN RIDE akan bermula pada jam 7.00 Paggi)

 **Bertempat di Masjid Sultan Idris Shah II, Masjid Negeri Perak.**

Para jemaah dijemput untuk turut serta dalam kayuhan amal ini sebagai tanda solidariti dan sokongan terhadap saudara kita di bumi Gaza.

Para peserta **digalakkan membawa basikal atau motosikal sendiri**, serta digalakkan membawa bendera dan mafla Palestin sebagai simbol keprihatinan dan perpaduan ummah.

Bagi yang berminat untuk menyertai Fun Ride For Palestine yang dianjurkan boleh hubungi menerusi talian **016-7325035 (Ust. Azim)** dan **013-5985727 (Ust. Hasif)** atau boleh scan QR Code seperti tertera:



Marilah bersama-sama kita menjayakan program ini, semoga usaha kecil ini menjadi tanda kasih dan doa kita buat saudara di Palestin.

Sekian, **wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "PALESTIN – DOA DAN KEBERSAMAAN"

10 Oktober 2025 / 18 Rabiulakhir 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

## "PALESTIN – DOA DAN KEBERSAMAAN"

Firman Allah SWT:

﴿وَمَا لَكُمْ لَا تُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوَلَدَنَ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرِيرَةِ أَظَالِمُ أَهْلُهَا وَأَجْعَلَ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ وَلَيَا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ نَصِيرًا﴾

Bermaksud: Mengapakah kamu tidak mahu berperang di jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang yang lemah (tertindas) daripada golongan lelaki, perempuan mahupun kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, keluarkanlah kami dari negeri ini (Makkah), yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari sisi Mu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari sisi Mu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh).  
(Surah An-Nisa ayat 75)

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Pada 31 Ogos 2025, misi bantuan kemanusiaan dikenali, '*Global Sumud Flotilla*' telah digerakkan, membawa bekalan makanan, pakaian, susu bayi dan ubat-ubatan, berazam memecah kepungan dan sekatan, untuk menghulur bantuan kepada rakyat Palestin di Gaza, yang sekian lama ditindas secara kejam oleh rejim Zionis Israel.

Lima puluh buah kapal, melibatkan penyertaan hampir 500 orang sukarelawan dan aktivis kemanusiaan, daripada 44 buah negara, termasuk 23 orang rakyat Malaysia, bergerak merentasi Laut Mediterranean menuju ke perairan Gaza; demi memenuhi satu matlamat mulia, mahu menyampaikan bantuan kemanusiaan. Misi ini berjaya mencelikkan mata dunia akan kezaliman rejim Zionis Israel melakukan jenayah yang bertentangan dengan nilai manusiawi, menjajah, menindas dan mencabul hak asasi manusia di bumi Palestin. Sukarelawan *Global Sumud Flotilla*, mewakili suara kemanusiaan daripada seluruh dunia, setelah memerhatikan kezaliman demi kezaliman terus dideritai oleh rakyat Palestin tanpa sebarang pembelaan berkesan melalui usaha badan-badan antarabangsa untuk mengekang rejim Zionis daripada terus bermaharajalela.

Malangnya misi kemanusiaan tersebut disekat dan dipintas oleh tentera Israel sebelum sempat tiba ke lokasi, dan para sukarelawan ditahan, meskipun sukarelawan misi kemanusiaan ini, tiada membawa sebarang senjata dan bukan melayari kapal perang; tetapi hanya membawa hasrat kemanusiaan untuk menghulurkan bantuan kepada warga emas yang uzur serta anak-anak kecil yang kelaparan.

### **Jemaah yang dimuliakan**

Ayat 75 surah An-Nisa yang khatib bacakan pada awal khutbah mendorong semangat untuk kita terus berjuang membela kebenaran – membela agama serta menunjukkan kebersamaan bersama insan-insan lemah yang sedang ditindas dan dizalimi. Menjadi tanggungjawab agama untuk kita tidak berdiam diri melihat penderitaan yang ditanggung oleh saudara-saudara kita di Gaza. Gerakan misi kemanusiaan, bantuan kewangan dan apa sahaja bentuk bantuan merupakan usaha yang terpuji serta amat dialu-alukan, sebagai lambang sokongan



dan lambang perpaduan ummah membela nasib golongan yang sedang ditindas dan dizalimi.

Saudara-saudara kita di Gaza kini sedang menderita kelaparan tanpa makanan, kehausan tanpa air, kesakitan tanpa ubat. Keperluan ubatan tidak mencukupi, malah hospital, kelengkapan dan prasarana perubatan telah dimusnahkan.

Selama 77 tahun rakyat Palestin ditindas, menjalani kehidupan bagaikan berada dalam penjara, dikelilingi tembok yang diawasi oleh tentera Israel. Ramai yang ditahan dalam penjara tanpa dibicarakan – ramai anak-anak menjadi yatim, isteri menjadi balu akibat perbuatan zalm Zionis Israel. Rejim Zionisme semakin kejam – semakin zalm. Sejumlah 63,746 rakyat Palestin telah terkorban sejak tragedi 7 Oktober 2023; sebilangan daripadanya terdiri daripada warga emas, wanita dan kanak-kanak.

Rakyat Palestin dinafikan hak untuk hidup sebagai rakyat di bumi merdeka. Rakyat Palestin dipaksa berpindah ke sempadan Rafah. Rakyat Palestin dihalang daripada mencari hasil laut, malah rakyat Palestin disekat daripada berpeluang menerima bantuan kemanusiaan untuk memenuhi keperluan asas untuk hidup. Sekalipun begitu, rakyat Palestin tetap teguh, tidak berganjak dan tidak mahu berundur meninggalkan bumi Palestin, tanah tumpah negara yang mereka warisi turun temurun. Rakyat di bumi Palestin cekal mempertahankan kesucian Masjid al-Aqsa. Rakyat di bumi Palestin yakin bahawa Allah SWT bersama golongan yang benar lagi sabar dan rakyat Palestin penuh yakin pembebasan bumi suci itu merupakan janji llahi yang pasti tiba.

Derita yang dialami oleh umat Islam Palestin seharusnya diinsafi, dan wajib dijadikan pengajaran. Ummah mempunyai tanggungjawab fardu kifayah - tanggungjawab kemanusiaan, untuk menunjukkan kebersamaan dengan tampil menghulurkan bantuan agar dapat meringankan penderitaan yang sedang dihadapi oleh umat Islam Palestin, berpandukan sabda Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ



Bermaksud: Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia menyayangi saudaranya seperti mana dia menyayangi dirinya.

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

### **Jemaah yang dimuliakan,**

Mimbar menyeru lima perkara berikut:

**Pertama:** Ummah menyelami penderitaan yang dialami oleh umat di bumi Palestin, seterusnya mengambil peranan sama ada menghulurkan sumbangan dalam bentuk kewangan, makanan, peralatan perubatan, atau bersuara serta bertindak untuk membantu mereka. Bantuan berbentuk sumbangan pastikan, disampai melalui pertubuhan misi kemanusiaan yang sahih berdaftar dan boleh dipercayai. Sumbangan boleh terus disalurkan ke Akaun Amanah Kemanusiaan Palestin di bawah seliaan Kementerian Dalam Negeri.

**Kedua:** Membantu perjuangan membebaskan bumi Palestin berdasarkan semangat persaudaraan Islam dan sama-sama mengambil tanggungjawab mempertahankan kesucian Masjid al-Aqsa, di samping menyuarakan kewujudan sebuah negara Palestin yang merdeka lagi berdaulat.

**Ketiga:** Misi bantuan kemanusiaan melalui *Global Sumud Flotilla* membuktikan perpaduan masyarakat dunia, lambang kemanusiaan, bersimpati dengan penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Palestin, serta lambang keberanian, kemarahan dan kebencian warga dunia yang semakin memuncak terhadap kezaliman Zionis Israel.

**Keempat:** Mendoakan semoga Allah SWT memberikan perlindungan dan keselamatan kepada sukarelawan *Global Sumud Flotilla*; juga mendoakan kekuatan, perlindungan dan pembelaan terhadap kumpulan yang dizalimi; dan terus berdoa agar rakyat dan bumi Palestin mendapat seadil-adil pembelaan dan dilimpahi sebesar-besar perlindungan Ilahi.

**Kelima:** Terus membaca doa qunut nazilah agar Allah SWT memberikan keadilan kepada rakyat Palestin serta menimpakan pembalasan hukuman kepada pihak yang melakukan kezaliman.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقْبِيلَ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**اللّٰهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينِ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.**

**Ya Allah! Ya Rabbulalamin!** Permudah urusan hamba-hamba Mu yang berjuang membawa misi kemanusiaan buat rakyat Palestin. Kurniai kepada setiap mereka perlindungan dan keselamatan agar selamat kembali ke tanah air masing-masing. Buka pintu hati kami untuk menghulur bantuan membantu usaha membebaskan bumi Palestin daripada penindasan Zionisme Israel. Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!,** berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!,** Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.



**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!,** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ**  
**عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ**  
**وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ**  
**نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.**